

# **SARJANA PERAKAUNAN**

## **(Mod Kerja Kursus)**

Program Sarjana Perakaunan ini bertujuan melengkapkan pelajar dengan kefahaman dan kemahiran yang dikehendaki oleh industri dan sektor awam. Program ini disasarkan kepada golongan profesional yang merupakan pengamal perakaunan dan pendokong pentadbiran dalam sesebuah organisasi. Melalui modul pengkhususan yang ditawarkan, program ini seharusnya ditambahbaik dengan memberi penekanan kepada aspek amalan perakaunan dalam membina integriti, akauntabiliti dan urus tadbir yang baik di kalangan pengamal industri. Tambahan pula, pengetahuan perakaunan adalah asas penting dalam pembentukan tadbir urus organisasi.

### **Matlamat Program**

Matlamat program ini adalah untuk melahirkan graduan yang:

- a. Melahirkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran peringkat lanjutan berkaitan dengan teori, prinsip dan amalan perakaunan.
- b. Melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran dalam mengaplikasi ilmu perakaunan.
- c. Melahirkan graduan yang berupaya memperolehi pengetahuan dan kemahiran secara sendiri melalui kursus dan projek yang memenuhi keperluan industri.
- d. Melahirkan pelajar yang bersikap profesional serta beretika dalam memenuhi tanggungjawab kepada tuhan dan masyarakat.

### **Hasil Pembelajaran**

Pada akhir program pengajian, graduan seharusnya boleh:

- a. Menunjukkan pemahaman dan penguasaan dalam bidang perakaunan
- b. Mengaplikasikan teori dan amalan perakaunan ke dalam dunia pekerjaan secara holistik dan berkesan
- c. Menggunakan kefahaman bidang perakaunan untuk menyelesaikan masalah dalam konteks situasi semasa
- d. Mempamerkan kefahaman penyelidikan dalam menilai dan membuat keputusan dengan mengambil kira tanggungjawab sosial dan nilai etika
- e. Mempamerkan tahap profesionalisme yang tinggi serta menunjukkan daya saing yang dinamik
- f. Menghasilkan penyelesaian kepada permasalahan menggunakan kemahiran perakaunan secara kritis
- g. Mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat

## Syarat Kemasukan

Syarat kemasukan adalah seperti berikut:

- a. Ijazah Sarjanamuda Perakaunan dengan Kepujian dengan PNGK yang baik dari UKM atau institusi pengajian tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- b. Ijazah Sarjanamuda pengkhususan dalam perakaunan dengan kepujian atau kelulusan lain yang setara yang diiktiraf oleh Senat UKM; atau
- c. Kelayakan penuh profesional yang setara dengan Ijazah Sarjanamuda dan diiktiraf oleh Senat UKM; dan
- d. Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh program atau Fakulti; dan
- e. Pemohon luar negara yang bukan dari negara Bahasa Inggeris sebagai Bahasa rasmi hendaklah memenuhi keperluan Bahasa Inggeris dengan sekurang- kurangnya skor TOEFL 550 atau IELTS band 6 atau peperiksaan Bahasa Inggeris lain yang diperakui Senat UKM.

## Bentuk Pendaftaran dan Tempoh Pengajian

- a. Sepenuh masa (tiga (3) hingga enam (6) semester)\*
- b. Separuh masa (empat (4) hingga lapan (8) semester)\*

*\*Semua kuliah dijalankan pada hari dan waktu bekerja.*

## Struktur Program

- a. Calon hendaklah mengikuti dan lulus komponen yang terdiri daripada berikut:

Jenis Kursus	Jam Kredit
Kursus Wajib Fakulti	3
Kursus Wajib Pusat	8
Kursus Wajib Modul	16
Kursus Wajib Program	6
Kursus Elektif	12
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>

## Senarai Kursus

### Kursus Wajib Fakulti (3 Jam Kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	EPPD6013	Kaedah Penyelidikan	3
<b>Jumlah</b>			<b>3</b>

### Kursus Wajib Pusat (8 Jam Kredit)

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	EPPA6214	Perakaunan Pengurusan untuk Penciptaan Nilai	4
2.	EPPA6114	Tadbir Urus dan Akauntabiliti	4
<b>Jumlah</b>			<b>8</b>

### Kursus Wajib Modul (16 Jam Kredit)

#### a. Modul Audit Dalaman

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	EPPA6124	Pelaporan dan Analisis Kewangan	4
2.	EPPA6324	Audit Dalaman	4
3.	EPPA6334	Pengurusan Risiko Perusahaan	4
4.	EPPA6344	Perakaunan Forensik	4
<b>Jumlah</b>			<b>16</b>

*atau*

#### b. Modul Percukaian

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	EPPA6524	Pentadbiran Cukai	4
2.	EPPA6534	Teori dan Falsafah Percukaian	4
3.	EPPA6544	Perancangan Cukai Korporat	4
4.	EPPA6554	Percukaian daripada Perspektif Islam	4
<b>Jumlah</b>			<b>16</b>

### Kursus Wajib Program (6 Jam Kredit)\*

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	EPPA6716	Kertas Projek	6

\*Penulisan dalam bentuk manuskrip yang sedia untuk diterbitkan dalam jurnal.

### Kursus Elektif (12 Jam Kredit)\*

Bil.	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Kredit
1.	EPPA6134	Pelaporan Korporat	4

2.	EPPA6224	Perakaunan Pengurusan Strategik	4
3.	EPPA6314	Seminar Pengauditan	4
4.	EPPA6514	Seminar Percukaian	4
5.	EPPA6614	Seminar Sistem Maklumat Perakaunan	4
6.	EPPA6714	Seminar Perakaunan Sektor Awam	4

*\*Calon juga boleh memohon untuk mengikuti Kursus Elektif daripada mana-mana kursus lain yang ditawarkan Fakulti di peringkat Sarjana tertakluk pada kelulusan Dekan.*

**a. Kursus Bahasa Melayu**

Calon luar negara hendaklah mengikuti dan lulus kursus Bahasa Melayu sebagai syarat pengijazahan sebagaimana ditetapkan UKM.

<b>Kumpulan Pelajar Pascasiswazah Antarabangsa</b>	<b>Kod dan Nama Kursus Bahasa Melayu</b>
<b>Luar Nusantara</b> Pelajar dari negara yang bukan penutur natif Bahasa Melayu	LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa
<b>Nusantara</b> Pelajar berasal dari negara yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi/utama dan merupakan penutur natif Bahasa Melayu seperti Indonesia, Singapura, Brunei dan Wilayah Melayu di Selatan Thailand.	LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara

**Syarat Pengurniaan Ijazah**

Syarat pengijazahan adalah seperti berikut:

- Lulus dengan mencapai PNGK terakhir  $\geq 3.00$ ;
- Lulus kertas projek;
- Menyempurnakan bilangan kredit seperti yang ditetapkan program;
- Memenuhi syarat manuskrip yang sedia diterbitkan; dan
- Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Universiti.

## Rancangan Pengajian

Rancangan pengajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Semester	Nama Kursus	Komponen	Kredit
1	EPPA6214 Perakaunan untuk Penciptaan Nilai	Kursus Wajib Pusat	4
	EPPA6114 Tadbir Urus dan Akauntabiliti	Kursus Wajib Pusat	4
	<u>Modul Audit Dalam</u>		
	EPPA6124 Pelaporan dan Analisis Kewangan	} 2 kursus wajib modul	4
	EPPA6324 Audit Dalam		4
	<b>atau</b>		@
	<u>Modul Percukaian</u>		
	EPPA6524 Pentadbiran Cukai	} 2 kursus wajib modul	4
	EPPA6534 Teori dan Falsafah Percukaian		4
	LMCM1083 Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa*	Kursus Bahasa Melayu	
<b>atau</b>			
LMCM1093 Bahasa Melayu untuk Pelajar Nusantara*			
			<b>16</b>
2	EPPD6013 Kaedah Penyelidikan	Kursus Wajib Fakulti	3
	<u>Modul Audit Dalam</u>		
	EPPA6344 Perakaunan Forensik	} 2 Kursus wajib modul	4
	EPPA6334 Pengurusan Risiko Perusahaan		4
	<b>atau</b>		@
	<u>Modul Percukaian</u>		
	EPPA6544 Perancangan Cukai Korporat	} 2 Kursus wajib modul	4
	EPPA6554 Percukaian daripada Perspektif Islam		4
<b>dan</b>			
EPPA6XX4 Elektif 1	Kursus Elektif (Pilihan Bebas)	4	

			<b>15</b>
3	EPPA6XX4 Elektif 2 EPPA6XX4 Elektif 3  EPPA6716 Kertas Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran kertas projek</li> <li>• Penulisan kertas projek</li> <li>• Pembentangan kemajuan di kolokium</li> </ul>	4 4  6  <b>14</b>
<b>JUMLAH KREDIT</b>			<b>45</b>

\*Untuk calon luar negara sahaja

# **SINOPSIS PROGRAM PERAKAUNAN**

## **EPPD6013 Kaedah Penyelidikan**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran tentang proses menjalankan penyelidikan akademik. Kursus ini membincangkan falsafah penyelidikan terutama penyelidikan dalam Ekonomi dan Perniagaan. Perbincangan merangkumi pelbagai rekabentuk dan kaedah penyelidikan dengan penekanan kepada kepentingan isu dan sumbangan penyelidikan yang dicadangkan. Pelajar juga didedahkan dengan kepentingan teori dan kerangka kerja konseptual dalam penyelidikan serta memilih rekabentuk dan metodologi kajian yang bersesuaian dengan cadangan penyelidikan.

### **Rujukan**

- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. 4<sup>th</sup> Ed. Oxford University Press. New York.
- Bryman, A. & Bell, E. (2015), *Business Research Method*, 4<sup>th</sup> Ed. Oxford University Press. New York.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B.J. & Anderson, R. E., (2010). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. 7<sup>th</sup> Ed. Pearson, Singapore.
- Punch, K. F. (2006). *Developing Effective Research Proposals*. Sage Publications. London.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2013). *Research methods for business: a skill building approach*. 7<sup>th</sup> Ed. John Wiley & Sons, Chichester, West Sussex, UK.
- Artikel jurnal terpilih

## **EPPA6214 Perakaunan Pengurusan Untuk Penciptaan Nilai**

Kursus ini bertujuan membincangkan perkembangan semasa ilmu dan amalan perakaunan pengurusan dan kawalan. Penggunaan kes-kes yang relevan akan meningkatkan kefahaman yang lebih lanjut mengenai aplikasi alat dan teknik-teknik untuk merancang, membuat keputusan dan kawalan. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mampu membincangkan dan menunjukkan pemahaman peranan sistem kawalan pengurusan dari sudut teori dan amalan dalam meningkatkan nilai organisasi.

### **Rujukan**

- Hansen D.R. (2013). *Cornerstone of Cost Management*, 2nd Edition, Canada, South-Western Cengage Learning.
- Hilton, R.W. & David E.P. (2013). *Managerial Accounting: Creating Value in a Global Business Environment*. 9<sup>th</sup> Ed. McGraw-Hill-Irwin

Horngrén, C.T., Datar, S.M. & Rajan, M. (2015). *Cost Accounting: A Managerial Emphasis*, 15th Edition, Singapore: Prentice Hall.

Kaplan, R. S. & Atkinson, A. A. (2014). *Advanced Management Accounting*, 3rd Edition, Essex UK, Pearson Education Limited.

Langfield-Smith, K. (2013). *Management Accounting*. 6th Edition, Malaysia, McGraw-Hill Education (Asia).

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6114 Tadbir Urus Dan Akauntabiliti**

Tadbir Urus dan akauntabiliti adalah penting kepada perniagaan moden dan mempunyai impak yang besar terhadap syarikat, pengarah, pemegang saham dan pihak berkepentingan lain. Tadbir urus dan akauntabiliti juga merupakan ciri-ciri asas sektor awam. Kursus ini menyediakan pelajar dengan pemahaman konsep dan aplikasi Tadbir Urus dan akauntabiliti sepertimana yang diguna pakai dalam tetapan perniagaan, kerajaan dan organisasi sektor awam lain. Melalui analisis dan perbincangan dapatan penyelidikan akademik dan kajian kes, implikasi Tadbir Urus korporat yang berkesan dan yang lemah serta isu akauntabiliti korporat dibincangkan. Bukan sahaja mengambilkira sektor swasta, kursus ini juga membantu pelajar untuk menghargai peranan dan kepentingan tadbir urus dan akauntabiliti dalam sektor awam.

### **Rujukan**

Abdul Rahman, Rashidah (2011). *Effective Corporate Governance*. UiTM: University Publication Center.

Malaysian Code of Corporate Governance & Artikel dan kajian kes terpilih/Selected articles and case studies.

Siddique, N.A. (2013). *Public Management and Governance in Malaysia: Trends and Transformation*. London:Rootledge.

Solomon, J. (2014). *Corporate Governance and Accountability* 4<sup>th</sup> Edition. West Sussex: Wiley.

Tricker, R.I. (2015), *Corporate Governance: Principles, Policies and Practices* 3<sup>rd</sup> Edition, Oxford Publisher.

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6124 Pelaporan Dan Analisis Kewangan**

Kursus ini membincangkan isu berhubung peranan penting penyata kewangan dalam proses perakaunan dan analisis kewangan. Perbincangan merangkumi penggunaan maklumat perakaunan dan kewangan dalam menganalisis nilai ekonomi sesebuah syarikat; penggunaan model kewangan dalam menganalisis



pengurusan perniagaan serta pembentukan strategi perniagaan; dan isu mengenalpasti pemacu peningkatan nilai perniagaan melalui teknik analisis kewangan forensik. Setelah mengikuti kursus ini pelajar seharusnya mampu menilai secara kritis serta membuat analisis kewangan menggunakan maklumat perakaunan dan kewangan daripada penyata kewangan.

### **Rujukan**

- Fridson, M.S. & Alvarez, F. (2011). *Financial Statement Analysis: A Practitioner's Guide*, 4th Edition, John Wiley & Sons. ISBN: 978-0-470-63560-5.
- Lawrence, R., Collins, D. & Johnson, B. (2017). *Financial Reporting and Analysis*, 7th Edition, McGraw-Hill.
- Plenborg, T. & Petersen, C. (2011). *Financial Statement Analysis. Valuation - Credit Analysis - Executive Compensation*, Pearson Education. ISBN: 9780273752356.
- Robinson, T.R., Henry, E., Pirie, W.L., Broihahn, M.A. & Cope, A.T. (2015). *International Financial Statement Analysis*, 3rd Edition, John Wiley & Sons. ISBN: 978-1-118-99947-9.
- Schoenebeck, K. & Holtzman, M. (2012). *Interpreting and Analyzing Financial Statements*, 6th Edition, Pearson Education. ISBN: 9780132746243.
- Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6324     Audit Dalam**

Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang peranan serta piawai yang berkaitan fungsi audit dalaman di organisasi. Secara khususnya, kursus ini menghuraikan bagaimana audit dalaman membantu organisasi memperbaiki mutu serta memberi khidmat yang dapat menambah nilai organisasi terutamanya dalam aspek kawalan, pengurusan risiko dan tadbir urus. Pelajar juga akan mengetahui tentang piawai yang perlu dipatuhi oleh juruaudit dalaman dalam melaksanakan tugas mereka.

### **Rujukan**

- Chambers R.F. (2014), *Lessons Learned on the Audit Trail*. The Institute of Internal Auditors Research Foundation. Florida.
- Gleim, I N. (2013), *CIA review: Part I Internal Audit Basics*. Gleim Publications Inc. Florida.
- Institute of Internal Auditors (IIA) (2017), *International Professional Practices Framework*. Institute of Internal Auditors. USA.
- Mary Lee, S.C et al.(2016).*The Assurance and Consultancy of Internal Audit*, McGraw Hill Education.

Reding, K.F, Sobel, P.J. Anderson, U.L, Head, M.J, Ramamoorti, S. Salamasick, M. Riddle, C. (2013), Internal Auditing. 3rd Edition. The Institute of Internal Auditors Research Foundation. Florida.

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6334      Pengurusan Risiko Perusahaan**

Kursus ini memeriksa isu-isu pengurusan dalam menilai dan mengurus risiko kewangan dan bukan kewangan. Kursus ini memberi fokus kepada elemen-elemen dalam kerangka pengurusan risiko enterpris dan isu-isu yang berkisar kepada pelaksanaan kerangka tersebut. Pelajar didedahkan dengan peranan pengurusan dalam pengurusan risiko enterpris dan interaksi yang diperlukan untuk memastikan kelangsungan operasi dan penciptaan nilai. Topik termasuk peranan dan keperluan untuk strategi pengurusan risiko yang komprehensif, sorotan ke atas struktur dan proses governans yang menyokong, perbincangan mengenai bagaimana organisasi merancang dan bertindakbalas terhadap risiko serta dampak pengurusan risiko enterpris terhadap produktiviti tenaga kerja.

### **Rujukan**

Beasley, M. & Hancock, B.V. (2014), Case Studies on Enterprise Risk Management Implementation. AICPA.

[http://www.cpa2biz.com/AST/Main/CPA2BIZ\\_Primary/AuditAttest/TopicSpecificGuidance/PRDOVR~PC-APAERM/PC-APAERM.jsp?cm\\_vc=PDPZ1](http://www.cpa2biz.com/AST/Main/CPA2BIZ_Primary/AuditAttest/TopicSpecificGuidance/PRDOVR~PC-APAERM/PC-APAERM.jsp?cm_vc=PDPZ1)

Fraser, J. Simkins, B. & Narvaez, K. (2014), Implementing Enterprise Risk Management: Case Studies and Best Practices. John Wiley & Sons. NJ.

Green, P. (2015), Enterprise Risk Management: a Common Framework for the Entire Organization, Elsevier.

Marchetti, A.M. (2011), Enterprise Risk Management Best Practices: From Assessment to Ongoing Compliance. John Wiley & Sons. NJ.

Segal, S. (2012), Corporate Value of Enterprise Risk Management: The Next Step in Business Management, John Wiley & Son Inc.

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6344      Perakaunan Forensik**

Kursus ini menjelaskan kepada pelajar tentang elemen penting yang mendasari tanggungjawab akauntan forensik selaras dengan peranan yang dimainkan sebagai profesional dalam situasi yang pelbagai. Kursus ini dimulakan dengan memperkenalkan secara menyeluruh konsep perakaunan forensik dan penipuan (fraud) termasuk membincangkan tentang bagaimana penipuan dibuat dan dimana kepakaran perakaunan forensik diperlukan. Konsep perundangan yang mendasari perakaunan forensic juga didedahkan. Kursus ini turut memperkenalkan teknik

mengesan penipuan yang penting dan berkesan, pendekatan proses penyiasatan serta pelbagai kaedah pengumpulan maklumat bagi menghasilkan bukti yang kompeten. Kursus ini juga didedahkan dengan asas untuk menentukan nilai kerugian yang dialami oleh sesebuah entiti perniagaan yang terlibat.

### **Rujukan**

- Crumbley, L., Heitger, L. & Smith, S. (2015), *Forensic and Investigative Accounting* 7<sup>th</sup> Edition, Wolters Kluwer.
- Hahn, B., Rufus, R. & Miller, L. (2015). *Forensic Accounting Global Edition*, Pearson Education Limited.
- Silverstone, H., Sheetz, M., Pedneault, S., and Rudewicz, F. (2012), *Forensic Accounting and Fraud Investigation for Non-Experts*. Third Edition. John Wiley & Son.
- Well, J. T. (2013), *Principles of Fraud Examination* 4<sup>th</sup> Edition. John Wiley & Son Inc. USA.
- Zimelman, M. F. & Albrecht, C. C. (2012), *Forensic Accounting*. South Western Cengage Learning. Canada.
- Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6524 Pentadbiran Cukai**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang struktur asas, sejarah dan prinsip di sebalik pembentukan sesebuah pentadbiran cukai yang baik. Perbincangan memberi fokus kepada bajet federal, polisi cukai dan peranan pentadbir cukai menjana pendapatan kepada negara. Setelah mengikuti kursus ini pelajar seharusnya mampu membincangkan persekitaran yang ada di sekeliling sesebuah pentadbiran cukai serta menunjukkan pemahaman bahawa amalan sesebuah pentadbiran cukai adalah berbeza di setiap negara, bergantung kepada cabaran yang ada. Jadi pelajar perlu menunjukkan pemahaman bahawa satu pendekatan yang standard bagi setiap pentadbir cukai adalah tidak praktikal dan tidak wajar bagi sesuatu keadaan.

### **Rujukan**

- Asian Development Bank, (2016), *A Comparative Analysis of Tax Administration in Asia and Pacific*, Manila
- Malaysia Master Tax Guide (2016). 33<sup>rd</sup> Edition, CCH
- OECD. (2016). *Tax Administrations and Capacity Building: A Collective Challenge*. OECD Press, London.

Sanjeev Gupta, Benedict Clements, and Gabriela Inchauste, (2004), *Helping Countries Develop: The role of Fiscal Policy*, Washington, D.C, IMF.

Stephen Lewis, Jr, (1984), *Taxation for Development: Principles and Applications*, Oxford University Press, New York.

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6534      Teori Dan Falsafah Percukaian**

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar tentang sejarah dan falsafah teori yang menjadi asas kepada bidang percukaian. Perbincangan memberi fokus kepada pendekatan yang digunakan dalam pembentukan teori berdasarkan pendekatan tradisional dan pendekatan positif. Pelajar diberi peluang mendalami teori dan aplikasinya dalam isu terpilih kajian percukaian. Setelah mengikuti kursus ini pelajar seharusnya mampu membincangkan pendekatan dalam pembentukan teori percukaian, menunjukkan pemahaman bahawa teori berbeza dibentuk dan digunakan untuk menerangkan amalan atau menetapkan amalan serta menilai isu terpilih percukaian.

### **Rujukan**

Bridget J. Crawford. (2009). *Critical Tax Theory: An Introduction* 1st Edition. Cambridge University Press.

Edwin, A. Seligman. (2012). *The Income Tax: A Study of the History, Theory, and Practice of Income Taxation at Home and Abroad*. Berwick Smith Co. Norwood, Massachusetts.

Joseph E. Stiglitz and Jay K. Rosengard, (2015). *Economics of the Public Sector*, Fourth Edition. New York: W.W. Norton & Co.

Kaplow, L. (2010). *The Theory of Taxation and Public Economics*. Princeton University Press.

Veerinderjeet Singh. (2016). *Malaysian Master Tax Guide*. 2016. CCH Asia Limited.

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6544      Perancangan Cukai Korporat**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada konsep perancangan cukai korporat khususnya bagi perniagaan yang tertakluk kepada cukai di Malaysia. Perbincangan akan meliputi topik perancangan cukai bagi perniagaan baru, perniagaan semasa, perniagaan merentasi sempadan antarabangsa serta implikasi percukaian dalam aspek pembuatan keputusan pengurusan. Fokus kursus adalah ke atas cukai pendapatan perniagaan di Malaysia.

## **Rujukan**

- Jeyapalan Kasipillai (2015). *A Guide to Advance Malaysian Taxation*. McGraw Hill.
- Jeyapalan Kasipillai (2012). *Tax Avoidance, Evasion and Planning in Malaysia*. 1st Edition. CCH Limited.
- Peter H. Blessing (2012). *Tax Planning For International Mergers, Acquisitions, Joint Ventures and Restructurings*. Kluwer Law International.
- Rincharth Thornton (2016). *Tax Planning for Businesses in Malaysia*. CCH Limited.
- Veerindeerjeet Singh (2016). *Malaysia Master Tax Guide*. 33th Edition, CCH Limited.
- Artikel jurnal terpilih

## **EPPA6554 Percukaian Daripada Perspektif Islam**

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada konsep percukaian daripada perspektif Islam serta peranan percukaian dalam pembangunan ekonomi sejagat. Perbincangan akan meliputi topik zakat harta, zakat perniagaan, hasil harta awam, *booties (fai)*, cukai keatas tanah dan cukai keatas individu bukan Islam (*Jizyah*), serta isu-isu semasa berkaitan Percukaian daripada Perspektif Islam serta cabaran institusi zakat dimilinea ini. Di akhir kursus ini, diharap para pelajar dapat menunjukkan pemahaman dan boleh berbincang dalam hampir semua aspek percukaian daripada perspektif Islam serta kesannya kepada sesebuah masyarakat, disamping dapat membuat perbandingan dengan konsep percukaian konvensional.

## **Rujukan**

- Abdul Rahim Abdul Rahman. (2010). *An Introduction to Islamic Accounting: Theory and Practice*, 1st Ed. CERT.
- Abd Aziz Abu Bakar, Mohammad Amin Ibrahim & Shahizan Md Noh, (2014). *Zakat Management and Taxation*. IBFIM
- Mujaini Tarimin. (2012). *Zakat: Amalan dan Pengalaman di Malaysia*. Pusat Pungutan Zakat Malaysia.
- Mushfiqur Rahman. (2014). *Zakat Calculation: Based on Fiqh-uz-Zakat by Yusuf al-Qardawi*. The Islamic Foundation.
- Siti Khadijah Ab. Manan, Fadhikah Abd Rahman, Mardhiyyah Sahri. (2016). *Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry*. Springer.
- Artikel jurnal terpilih

## **EPPA6716 Kertas Projek**

Kursus ini bertujuan untuk memupuk kefahaman menjalankan penyelidikan asas kepada pelajar. Secara khususnya kursus ini akan membolehkan pelajar meneliti kajian lalu dan penemuan darinya, dan mengenal pasti kepentingan yang akan menjadi tumpuan kajian. Meneroka dan memperincikan isu yang akan menjadi fokus

kajian di samping mencadangkan reka bentuk kajian yang akan dilaksanakan. Secara prinsipnya kajian yang akan dilaksanakan mestilah mampu meneroka isu-isu yang akan menambah pengetahuan sedia ada. Sebagai panduan, calon digalakkan untuk membuat kajian yang berkaitan seperti menganalisis isu yang telah dikaji tetapi belum mencapai penemuan definitif, dapat meningkatkan kefahaman mengenai praktis dan penggunaan teori-teori serta teknik-teknik perakaunan yang diamalkan dalam masyarakat, meneroka kebergunaan penemuan-penemuan lalu serta prinsip dan pernyataan yang dikeluarkan oleh badan-badan profesional dalam konteks amalan di Malaysia dan mampu menonjolkan perakaunan sebagai satu ilmu yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat sejagat.

### **Rujukan**

- Bryman, A. (2012). *Social Research Methods*. 4<sup>th</sup> Ed. Oxford University Press. New York.
- Bryman, A. & Bell, E. (2015), *Business Research Method*, 4<sup>th</sup> Ed. Oxford University Press. New York.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B.J. & Anderson, R. E., (2010). *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*. 7<sup>th</sup> Ed. Pearson, Singapore.
- Punch, K. F. (2006). *Developing Effective Research Proposals*. Sage Publications. London.
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2013). *Research methods for business: a skill building approach*. 7<sup>th</sup> Ed. John Wiley & Sons, Chichester, West Sussex, UK.
- Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6124 Pelaporan Korporat**

Kursus ini membincangkan isu berhubung penentuan pendapatan dan penilaian aset dalam konteks pelaporan korporat. Perbincangan merangkumi isu dan kajian berhubung amalan pelaporan, peranan maklumat perakaunan, maklumat perakaunan dan nilai firma, insentif pengurusan dan kesannya ke atas pemilihan kaedah perakaunan serta kesan perundangan dan persekitaran ke atas amalan pelaporan. Setelah mengikuti kursus ini pelajar seharusnya mampu menilai secara kritis kajian empirikal dalam pelaporan korporat dan menyediakan cadangan penyelidikan berhubung isu pelaporan korporat.

### **Rujukan**

- Ewert, R. & Wagenhofer, A. (2012) *Earnings Management, Conservatism, and Earnings Quality: Foundations and Trends(s) in Accounting*, NOW Publishers Inc.
- Francis, J., Olsson, P. & Schipper, K. (2006). *Earnings Quality*. Now Publishers Inc.

Schroeder, R.G., Clark, M.W. & Cathey, J.M. (2013). *Financial Accounting Theory and Analysis: Text and Cases*, 11<sup>th</sup> Ed, John Wiley & Sons, Inc.

Susela Devi, Hooper, K. & Davey, H. (2006). *Accounting Theory and Practice: A Malaysian Perspective*, Prentice Hall Pearson Education.

Young, D. & Cohen, J. (2013). *Corporate Financial Reporting and Analysis*, 3rd Edition, Wiley.

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6224 Perakaunan Pengurusan Strategik**

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan penyelidikan dan amalan perakaunan pengurusan strategik (PPS) menurut kajian lepas dan saranan penulis dibidang ini. Perbincangan merangkumi isu tentang perkembangan perakaunan pengurusan strategik dalam penyelidikan dan adaptasi teknik PPS. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mampu menunjukkan pemahaman perkembangan PPS dan rasional penggunaan teknik PPS dalam mencapai strategi organisasi.

#### **Rujukan**

Hansen D.R. (2013). *Cornerstone of Cost Management*, 2nd Edition, Canada, South-Western Cengage Learning.

Hilton, R.W. & David E.P. (2013). *Managerial Accounting: Creating Value in a Global Business Environment*. 9 th Ed. McGraw-Hill-Irwin

Horngren, C.T., Datar, S.M.& Rajan, M. (2015). *Cost Accounting: A Managerial Emphasis*, 15th Edition, Singapore: Prentice Hall.

Kaplan, R. S. & Atkinson, A. A. (2014). *Advanced Management Accounting*, 3rd Edition, Essex UK, Pearson Education Limited.

Langfield-Smith, K. (2013). *Management Accounting*. 6th Edition, Malaysia, McGraw-Hill Education (Asia).

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6314 Seminar Pengauditan**

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan isu utama penyelidikan berkaitan profesion pengauditan. Penekanan akan diberi pada perubahan yang berlaku dalam profesion dan faktor yang menyebabkan perubahan tersebut. Perbincangan dalam kursus ini merangkumi penyelidikan berhubung peranan juruaudit dalam masyarakat serta tahap komitmen dan tanggungjawab profesion pengauditan.

#### **Rujukan**

Chambers R.F. (2014), *Lessons Learned on the Audit Trail*. The Institute of Internal Auditors Research Foundation. Florida.

- Flint, D. (1988). Philosophy and Principles of Auditing. Part 1.1 – Audit the Social Concept. McMillan Education Ltd.
- Flint, D. (1988). Philosophy and Principles of Auditing. Part 1.2 – Audit the Social Concept. McMillan Education Ltd.
- Institute of Internal Auditors (IIA) (2017), International Professional Practices Framework. Institute of Internal Auditors. USA.
- Mary Lee, S.C et al.(2016).The Assurance and Consultancy of Internal Audit, McGraw Hill Education.
- Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6514 Seminar Percukaian**

Kursus ini bertujuan membincangkan isu-isu semasa dan terkini berkenaan teori, undang-undang dan amalan percukaian terutamanya di Malaysia, di samping melihat pilihan-pilihan dalam kaedah percukaian. Perbincangan meliputi isu-isu semasa percukaian serta kedudukan terkini tentang sistem percukaian di Malaysia. Selepas mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya boleh membincangkan secara kritis dan menyeluruh berkaitan sistem percukaian tersebut terutamanya dalam isu perancangan cukai.

### **Rujukan**

- Bridget J. Crawford. (2009). Critical Tax Theory: An Introduction 1st Edition. Cambridge University Press
- Edwin, A. Seligman, (2012). The Income Tax: A Study of the History, Theory, and Practice of Income Taxation at Home and Abroad. Berwick Smith Co. Norwood, Massachusetts.
- Joseph E. Stiglitz and Jay K. Rosengard, (2015).Economics of the Public Sector, Fourth Edition. New York: W.W. Norton & Co.
- Kaplow, L. (2010).The Theory of Taxation and Public Economics. Princeton University Press
- Malaysian Master Tax Guide. (2015). CCH Asia Limited.
- Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6614 Seminar Sistem Maklumat Perakaunan**

Kursus ini bertujuan membincangkan tentang teori, metodologi dan isu penyelidikan dalam bidang sistem maklumat perakaunan. Perbincangan merangkumi aspek berkaitan frod dan kawalan, pembangunan sistem, pengurusan projek, e-dagang/e-perolehan, teknologi terkini, pengurusan pengetahuan dan pembuatan keputusan dengan menekankan kepentingan kemahiran dan nilai etika yang diperlukan dalam perkara tersebut. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat



membincangkan peranan dan tanggungjawab akauntan dalam pembangunan sistem, mengenalpasti isu dan teori yang relevan, dan seterusnya menyediakan cadangan penyelidikan dalam bidang sistem maklumat perakaunan.

### **Rujukan**

- Ismail, N.A., (2016). Accounting information system: Education and research agenda. *Malaysian Accounting Review*, 8(1).
- Laudon, K.C. and Laudon, J.P., (2013). *Management Information Systems 13 th Ed.* Prentice Hall.
- Parkes, A., Considine, B., Oleson, K., Blount, Y.(2016). *Accounting Information Systems*, Wiley.
- Poston, R.S. and Grabski, S.V.,(2000). Accounting information systems research: Is it another QWERTY?. *International Journal of Accounting Information Systems*, 1(1), pp.9-53.
- Simkin, M.G., Rose, J. M., & Norman, C.N. (2012). *Accounting Information Systems*, 12th Ed. Wiley

Artikel jurnal terpilih

### **EPPA6714 Seminar Perakaunan Sektor Awam**

Kursus ini bertujuan untuk membincangkan perkembangan perakaunan sektor awam sebagai satu disiplin perakaunan. Perbincangan meliputi isu-isu utama dan kajian-kajian berkaitan perakaunan sektor awam dan bertujuan untuk mendalami pengetahuan dalam perakaunan sektor awam. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya dapat mengaplikasikan pengetahuan tersebut untuk membangunkan satu cadangan penyelidikan berkaitan perakaunan sektor awam.

### **Rujukan**

- Bertok, J. (2002) *Public Sector Transparency and Accountability: Making it Happen.* OECD Publishing.
- Budding T, Grossi, G and Tagesson, T. (2015), *Public Sector Accounting*, 1st Edition. London:Routledge.
- Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements Volume I and II* (2014). New York: IFAC.
- Noore Alam Siddiquee (editor) (2013) *Public Management and Governance in Malaysia; Trends and Transformations.* Oxon: Routledge.
- Robert J. Freeman, Craig D. Shoulders, Gregory S. Allison , G. Robert Smith Jr. (2013). *Governmental and Nonprofit Accounting*, 10th Edition. New York: Pearson.

Artikel jurnal terpilih

## **EPPA6814 Tadbir Urus Korporat**

Kursus ini bertujuan untuk memberi tumpuan utama kepada penyelidikan dari pelbagai aspek urustadbir korporat dalam menyelesaikan isu urustadbir korporat yang penting kepada komuniti perniagaan, profesion perakaunan, dan pihak awam. Ia melibatkan perbincangan teoretikal dan kefahaman perundangan tentang akauntabiliti dan urustadbir korporat. Fokus kursus adalah kepada kerangka urustadbir korporat, keperluan perundangan, peranan, tanggungjawab dan sikap serta etika pengarah, jawatankuasa audit, juruaudit dalam, dan juruaudit luar dalam tadbir urus korporat. Setelah mengikuti kursus ini, pelajar seharusnya mampu menganalisis isu penyelidikan semasa dan mengenalpasti kaedah yang sesuai untuk tadbir urus korporat dan mengaitkan penemuan penyelidikan kepada implikasi praktikal dan polisi.

### **Rujukan**

- Abdul Rahman, Rashidah. (2011). *Effective Corporate Governance*. UiTM: University Publication Center
- David F. Larcker, Brian Tayan.(2015). *Corporate Governance Matters: A closer look at Organizational Choices and Their Consequences*. 2nd Edition. Pearson FT Press
- Jill Solomon. (2014). *Corporate Governance and Accountability*. 4th Edition. Wiley.
- The Securities Commission Malaysia (2012). *Malaysian Code on Corporate Governance 2012*.
- Walter Effroas. (2013). *Corporate Governance: Principle and Practices*. 2nd Edition. American University Press.
- Artikel jurnal terpilih